

**UCAPAN ALUAN**  
**YBHG PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PELANCARAN PERKHIDMATAN BARU**  
**PERPUSTAKAAN**

**08 MAC 2016, 9.00PAGI**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salah Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,  
Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

**Yang Berhormat Datuk Wira Hj Othman bin Muhamad**  
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**YBhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**YBhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

**Yang Berusaha Puan Hajah Faridah Hj. Binti Md Amin**  
Ketua Pustakawan Perpustakaan UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Ketua-Ketua Pustakawan dari Universiti Awam dan Universiti Swasta,  
Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian, Kolej-Kolej Swasta

Hadirin dan Hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT, Tuhan Sekalian Alam yang telah mengizinkan kita untuk sama-sama berhimpun pada pagi ini sempena **Majlis Perasmian Perkhidmatan Baharu Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**
2. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Perpustakaan UTeM di atas usaha yang tidak pernah jemu dalam meningkatkan lagi perkhidmatan Perpustakaan UTeM ke aras yang lebih mantap. Saya percaya, menerusi perkhidmatan baharu yang ditawarkan kepada pengunjung perpustakaan UTeM ini akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan, memberi lebih keselesaan, memudahkan akses, dan secara langsung dapat merapatkan lagi jurang di antara warga UTeM dan masyarakat setempat.

3. Pelaksanaan ini juga adalah selaras dengan agenda transformasi kerajaan untuk meningkatkan lagi imej perkhidmatan awam di mata rakyat, khususnya di kalangan masyarakat di negeri ini. Dalam merealisasikan hasrat ini, Perpustakaan yang merupakan penyedia perkhidmatan perlu memainkan peranan yang penting, antaranya dengan mentransformasikan peranan perpustakaan yang tradisional kepada perpustakaan yang serba lengkap dengan sumber rujukan dan fasiliti yang terkini, sekali gus dapat meningkatkan lagi imej sebagai pusat sumber dan pusat informasi yang penting.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Perkembangan perpustakaan jika dilihat dari aspek sejarahnya tidak dapat dipisahkan dari sejarah tamadun manusia, kerana perpustakaan merupakan antara hasil ketamadunan tersebut. Untuk beribu tahun lamanya, perpustakaan telah menjadi pusat maklumat

bertulis dan menjadi simbol yang kuat dalam tamadun ataupun intelektualiti yang telah dicapai oleh umat manusia.

5. Perkembangan perpustakaan juga sangat berkait dengan perkembangan masyarakat. Jika diimbis kembali pada masa dahulu, perpustakaan hanya berfungsi sebagai sebuah pusat koleksi buku dan dokumen yang kaku, formal yang kebiasaannya dikunjungi apabila sesuatu bahan rujukan itu diperlukan. Kini, fungsi dan peranan perpustakaan telah berubah seiring dengan perkembangan dalam pelbagai aspek khususnya dalam teknologi.
6. Perkembangan teknologi telah memperlihatkan dengan jelas bahawa peranan perpustakaan telah berubah daripada menyediakan perkhidmatan secara tradisional kepada perkhidmatan secara maya. Sebagai contoh, pada tahun 80-an perkhidmatan perpustakaan menggunakan kad katalog sebagai sumber pencarian bahan dan koleksi berasaskan kertas manakala sejurus perkembangan

teknologi, perpustakaan telah berubah di mana pencarian bahan adalah melalui web dan wujudnya koleksi perpustakaan digital.

7. Selain teknologi yang menguasai perkembangan perpustakaan, persekitaran perpustakaan itu sendiri juga memberi impak kepada kehadiran pengguna ke perpustakaan. Dengan istilah 'Library as a 2nd Home', pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan sentiasa mengikut peredaran semasa terutamanya yang dapat memenuhi keperluan golongan generasi celik IT masa kini.
8. Tidak dinafikan, perkembangan teknologi yang semakin pesat banyak mempengaruhi cara kehidupan masyarakat masa kini. Semuanya inginkan kepantasan, akses yang mudah dan sumber maklumat di hujung jari. Apatah lagi dengan lambakan gajet IT yang berada dipasaran seperti tablet dan telefon pintar, menjadikan masyarakat kini lebih keterhadapan seiring kepantasan teknologi.

9. Sebagai makluman semua, berdasarkan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Pusat Sumber dan Teknologi Pembelajaran (PSTP) UTeM, ke atas 911 responden semasa minggu haluan siswa sesi 2015/2016 yang lalu, mendapati bahawa hanya beranggaran 20 orang pelajar ataupun 2% responden sahaja yang tidak mempunyai peranti mudah alih. Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya *gadget ICT* dalam kehidupan generasi masa kini. Lebih dari itu, keperluan WiFi kini merupakan satu keperluan yang sangat penting dalam kehidupan kita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Perpustakaan UTeM sentiasa sedar akan transformasi yang bukan sahaja berlaku dalam aspek teknologi malah persekitaran yang lain. Ini bagi memastikan proses perkembangan ilmu sentiasa berjalan dengan baik dan mampu mencapai ekspektasi pengguna dan masyarakat.



11. Alhamdulillah, pada hari ini Perpustakaan UTeM memperkenalkan perkhidmatan baharu bagi meningkatkan lagi kepuasan dan keselesaan pengguna. Saya yakin dengan elemen teknologi yang diaplikasikan dalam pembaharuan perkhidmatan ini akan menarik lebih ramai warga UTeM untuk ke Perpustakaan. Akses akan menjadi lebih mudah, pencarian maklumat akan lebih pantas ditambah pula dengan perkhidmatan swegway yang akan memberi keseronokan pencarian sesuatu maklumat. Tahniah Perpustakaan UTeM kerana menjadi perintis kepada Perpustakaan Universiti Awam lain yang menyediakan kemudahan seperti ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin berpesan khususnya kepada warga Perpustakaan untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik selain dapat menyediakan sumber maklumat dan bahan-bahan rujukan yang lebih komprehensif dan mudah di capai.

Profesion sebagai seorang Pustakawan bukanlah sesuatu yang mudah, bukan sekadar mempunyai pengetahuan tentang perpustakaan dan terlibat dalam pengurusan perpustakaan malah pustakawan masa kini perlulah lebih proaktif, berfikir dan bertindak lebih daripada apa yang dijangkakan.

13. Saya yakin, dengan keupayaan dan kualiti yang ada dalam diri setiap Pustakawan, Perpustakaan UTeM akan terus maju ke hadapan menjadi pusat rujukan utama warga universiti mahupun masyarakat luar di samping kualiti perkhidmatan yang terbaik selaras dengan visi UTeM untuk menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.
14. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas dedikasi dan kesungguhan dalam meralisasikan perkhidmatan baharu di Perpustakaan UTeM.

Angin berhembus di waktu pagi  
Membawa terbang si rama-rama,  
Perkhidmatan dipertingkat seiring teknologi,  
Memberi manfaat, kegunaan bersama.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Perkhidmatan Baharu Perpustakaan UTeM. Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*